ASNB Wakaf

# Laporan Tahunan 2024



Pemberian
yang
berterusan
tanpa putus
untuk
selamanya.



# Isi Kandungan


**Tentang ASNB Wakalah**
- Maklumat Korporat 3
- Pengenalan ASNB Wakalah Sdn. Bhd. 4

**Perutusan Pengerusi** 5

**Ahli Lembaga Pengarah** 6

**Ahli Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP** 7

**Struktur Organisasi ASNB Wakalah Sdn. Bhd.** 8

**Wakaf ASNB**
- Pengenalan dan Definisi 9
- Konsep 10
- Kaedah Pengurusan Wakaf ASNB 11
- Kelebihan 12
- Sektor Projek 13
- Terma dan Syarat 14
- Saluran 15

**Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Peneraju Wakaf Dan Rakan Strategik** 16

**Aktiviti Pemasaran Wakaf ASNB** 18

**Tinjauan Keseluruhan Wakaf ASNB** 23

**Prestasi Wakaf ASNB** 24

**Dana Manfaat Wakaf ASNB** 28
- Pengurusan Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB 29
- Laporan Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB 31
- Pecahan Dana Manfaat Mengikut Sektor 32
- Kategori Penerima Dana Manfaat 33
- Agihan Dana Manfaat Mengikut Negeri 34

**Maklumat Agihan Dana Manfaat Wakaf**
- Sektor Pendidikan 35
- Sektor Kesihatan 41
- Sektor Pemerkasaan Komuniti 44
- Sektor Misi Kemanusiaan 50

**Aktiviti Agihan Dana Manfaat Wakaf** 54

**Penyata Pengurus dan Penyata Kewangan Beraudit bagi Dana Manfaat Wakaf ASNB** 56

# Tentang ASNB Wakalah

## Maklumat Korporat

### Nama Syarikat

- ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (ASNB Wakalah)

### Tarikh Penubuhan

- 25 Januari 2021

### Alamat Berdaftar

- Tingkat 91, Menara Merdeka 118
Presint Merdeka 118, 50118 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

### No. Pendaftaran Syarikat

- ASNB Wakalah Sdn. Bhd. | 20212002976 (1403274-P)
- Amanah Saham Nasional Berhad | 197901003200 (47457-V)

### Pengiktirafan Mutawalli oleh

- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

### Tugas Utama

- Bertanggungjawab untuk mengumpulkan unit amanah ASNB yang diwakafkan dan melaksanakan pengagihan dana manfaat wakaf kepada pihak yang layak melalui proses saringan dan memastikan dana wakaf ditadbir urus dengan telus dan efektif melalui usahasama bersama pihak MAIWP.

### Juruaudit Bebas Penyata Kewangan

- Ernst & Young PLT

# Pengenalan ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (ASNB Wakalah) merupakan anak syarikat milik penuh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang ditubuhkan pada 25 Januari 2021 dengan matlamat untuk mentadbir dan menguruskan perkhidmatan Wakaf ASNB bagi pihak pemegang unit ASNB.

Dalam usaha untuk memperkukuh perkhidmatan ini, ASNB Wakalah telah menjalin kerjasama strategik bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan menerima pengiktirafan sebagai Mutawalli daripada MAIWP untuk mentadbir dana wakaf unit amanah ASNB.

Sebagai Mutawalli, ASNB Wakalah memikul tanggungjawab untuk mengumpul unit amanah ASNB yang diwakafkan melalui perkhidmatan Wakaf ASNB, serta memastikan pengurusannya dilakukan dengan penuh integriti dan telus. ASNB Wakalah turut bertanggungjawab untuk melaksanakan pengagihan dana manfaat wakaf kepada penerima yang layak, yang perlu melalui proses saringan ketekunan wajar, bagi memastikan setiap agihan dilakukan dengan adil dan berkesan, serta mematuhi piawaian yang ditetapkan.

Bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan dalam pengagihan dana manfaat wakaf, ASNB Wakalah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP (JPWB). Jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar-pakar berwibawa yang berpengalaman luas dalam bidang wakaf dan muamalat. Tanggungjawab utama jawatankuasa ini adalah memberikan nasihat strategik serta meluluskan projek-projek dan penerima dana manfaat wakaf yang dikenal pasti oleh ASNB Wakalah. Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai penasihat dalam isu-isu hukum berkaitan kepatuhan syariah, dasar, polisi, serta pengoperasian dana manfaat wakaf.

Projek wakaf yang dicadangkan akan melalui proses saringan ketekunan wajar yang menyeluruh, untuk memastikan pematuhan terhadap piawaian dan keperluan operasi yang ditetapkan. Salah satu keunikan utama perkhidmatan Wakaf ASNB adalah pengagihan dana manfaat yang terbuka kepada seluruh Malaysia, tanpa terhad kepada mana-mana negeri. Pendekatan ini sejajar dengan model perniagaan Wakaf ASNB, yang memberi peluang kepada semua pemegang unit ASNB di seluruh negara untuk menyumbang kepada golongan yang memerlukan, dengan manfaat yang boleh disalurkan di seluruh pelosok negara.

Bagi menjamin ketelusan dalam laporan aktiviti pengumpulan dan pengagihan Wakaf ASNB, ASNB Wakalah menyediakan laporan tahunan yang komprehensif untuk rujukan pewakaf dan masyarakat umum selain untuk menampilkan impak positif serta makluman tentang pencapaian yang diraih sepanjang tempoh tersebut.



# Perutusan Pengerusi



بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

**"ASNB Wakalah komited dalam memartabatkan industri wakaf sebagai platform utama bagi menyejahterakan ummah dan memperkukuh ekosistem kewangan sosial Islam."**

**Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin**
Pengerusi, ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

Segala puji dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (ASNB Wakalah) terus teguh dalam merealisasikan objektif dan agenda yang diamanahkan bagi menguruskan perkhidmatan Wakaf ASNB. Sebagai salah satu pemacu institusi wakaf korporat di negara ini, ASNB Wakalah komited dalam memartabatkan industri wakaf sebagai platform utama bagi menyejahterakan ummah dan memperkukuh ekosistem kewangan sosial Islam.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada para pewakaf ASNB atas kepercayaan dan sumbangan wakaf mereka melalui unit amanah ASNB. Sumbangan ini bukan sekadar amal jariah, tetapi juga satu pelaburan berimpak tinggi yang menjana manfaat berterusan kepada masyarakat, khususnya golongan yang memerlukan. Keprihatinan dan kemurahan hati pewakaf menjadi pemangkin kepada usaha memperluaskan jangkauan manfaat wakaf ke seluruh pelosok negara.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada pihak pengurusan ASNB dan ASNB Wakalah atas dedikasi, komitmen, dan integriti yang ditunjukkan dalam memastikan organisasi ini terus mencapai kejayaan sejak penubuhannya. Penghargaan yang sama turut ditujukan kepada rakan strategik yang telah bersama-sama berganding bahu bagi memastikan setiap sumbangan dapat diagihkan secara optimum dan memberi impak yang bermakna kepada penerima yang layak.

Sepanjang tahun 2024, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, termasuk meningkatkan jumlah kutipan wakaf serta memperluaskan jaringan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak. **Tahun ini, ASNB Wakalah turut mencatat pencapaian yang cemerlang dengan penambahan pewakaf baharu seramai 9,326 orang dan sebanyak 26.1 juta unit amanah ASNB diwakafkan. Secara keseluruhan, seramai 23,697 pemegang unit ASNB telah berwakaf dengan jumlah unit amanah terkumpul berjumlah RM76.93 juta**. Ini mencerminkan peningkatan kesedaran serta keyakinan pemegang unit ASNB terhadap kepentingan dan keberkatan berwakaf. Selain itu, agihan dana manfaat wakaf telah dilaksanakan secara meluas kepada penerima di seluruh negara, memberi manfaat yang signifikan kepada mereka yang memerlukan. Pemilihan penerima dilakukan dengan teliti dan berintegriti bagi memastikan manfaat disalurkan dengan sebaiknya serta memberikan perubahan positif kepada kehidupan mereka. Keberkesanan inisiatif ini menjadi bukti bahawa wakaf bukan sekadar sumbangan, tetapi satu instrumen pemerkasaan sosioekonomi yang mampu mencipta impak lestari.

ASNB Wakalah terus komited memperkukuhkan hubungan dengan masyarakat melalui pelaksanaan pelbagai projek kebajikan yang memberi manfaat holistik. Wakaf ASNB bukan sekadar platform untuk beramal, tetapi juga satu gerakan yang membudayakan amalan wakaf dalam kehidupan seharian. Dengan pengurusan yang telus, sistematik, dan berintegriti, setiap sumbangan wakaf diyakini mampu mencipta impak berpanjangan demi kemaslahatan generasi akan datang. Semoga setiap manfaat yang terhasil menjadi ladang pahala bagi para pewakaf serta menjadi inspirasi kepada pemegang unit ASNB dan masyarakat umum untuk terus menyokong serta menyertai usaha murni ini demi kesejahteraan ummah.

Saya berharap agar perkhidmatan Wakaf ASNB terus berkembang maju di bawah pengurusan ASNB Wakalah serta berupaya menyumbang lebih banyak manfaat kepada masyarakat. Saya juga berdoa agar Allah SWT sentiasa memberkati sumbangan para pewakaf dan menerima segala amal jariah yang dilakukan. Semoga setiap usaha yang dilaksanakan, dipermudah serta ditunaikan dengan penuh hikmah, amanah, dan dedikasi, demi mencapai matlamat pembangunan ummah yang lebih cemerlang.

# Ahli Lembaga Pengarah



**Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin**

Pengerusi, ASNB Wakalah Sdn Bhd

### Pendidikan

- Ph.D dalam Perundangan Islam, Universiti Edinburgh, United Kingdom.
- Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Fiqh dan Usul al-Fiqh, Universiti Jordan, Jordan.

### Kepakaran

- Syariah
- Kewangan Islam
- Pasaran Modal Islam
- Perbankan dan Takaful



**Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee**

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB

### Pendidikan

- Sarjana Kejuruteraan (Kepujian) dalam Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Universiti Nottingham, United Kingdom.

### Kepakaran

- Strategi
- Perumpukan Aset Strategik
- Unit Amanah



**Dr. Ahmad Basri Ibrahim**

Ketua Pengurusan Syariah, PNB

### Pendidikan

- Ph.D dalam Undang-undang Islam, Universiti Birmingham, United Kingdom.
- Sarjana Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia.
- Sarjana Muda dalam Perundangan Islam, Universiti Jordan, Jordan.

### Kepakaran

- Fiqh dan Usul Fiqh
- Undang-undang Jenayah Islam
- Fiqh Al-Muamalat
- Sistem Politik Islam
- Maksim Perundangan Islam

# Ahli Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB - MAIWP



**Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin**
Pengerusi, ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee**
Ahli Lembaga Pengarah
ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**Dr. Ahmad Basri Ibrahim**
Ahli Lembaga Pengarah
ASNB Wakalah Sdn. Bhd.



**Dato' Selamat Paigo**
Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)



**Dr. Haji Razali Othman**
Ahli Jawatankuasa Wakaf MAIWP



**Mohd Fauzi Abidin**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIWP

# Struktur Organisasi ASNB Wakalah Sdn. Bhd.

**Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

**ASNB Wakalah Sdn. Bhd. (ASNB Wakalah)**

- Strategi
- Produk
- Operasi
- Jualan & Pemasaran
- Pengagihan Dana Manfaat Wakaf

ASNB Wakalah adalah anak syarikat milik penuh ASNB dan merupakan sebahagian daripada Kumpulan PNB. ASNB Wakalah turut disokong melalui perkongsian perkhidmatan syarikat induk dalam operasi harian, pemasaran, tadbir urus dan lain-lain melalui jabatan-jabatan di ASNB dan PNB seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| *Funds Accounting* | Perolehan | Pengurusan Syariah |
| Produk | Jualan dan Pengedaran | Operasi ASNB |
| Teknologi | Pemasaran dan Penjenamaan | Risiko |
| Asurans Dalaman | Pematuhan dan Integriti | Setiausaha Syarikat dan Undang-undang |

# Wakaf ASNB

## Pengenalan

Wakaf ASNB adalah inovasi produk wakaf yang menggabungkan konsep pelaburan dan wakaf yang membolehkan pemegang unit mewakafkan pelaburan unit amanah mereka di ASNB. Unit amanah yang diwakafkan oleh pemegang unit akan dipindahkan ke akaun wakaf dan dikekalkan sebagai pelaburan pokok. Hanya hasil pulangan daripada pelaburan tersebut disalurkan kepada projek-projek wakaf. Ini memastikan dana wakaf tersebut boleh menyalurkan manfaat yang berterusan untuk kepentingan dan kesejahteraan ummah.

Aspirasi ASNB adalah untuk menyediakan pengurusan kewangan yang menyeluruh kepada pemegang unitnya, dari peringkat bayi hingga ke penghujung hayat mereka. Wakaf ASNB merupakan salah satu elemen penting dalam perkhidmatan perancangan kewangan yang ditawarkan, yang membolehkan pemegang unit membuat pelaburan yang membawa kebaikan di dunia dan akhirat.

## Definisi

### Dari Segi Lughah (Bahasa)

Berhenti, menahan, atau menghalang

### Dari Segi Istilah

Merujuk kepada harta yang ditahan hak pewakaf ke atasnya, dengan menghalang sebarang urusan seperti jual beli, pewarisan, hibah, dan wasiat, sambil mengekalkan sumber fizikal harta tersebut. Ia disalurkan untuk tujuan kebajikan, dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T.

# Konsep

Wakaf ASNB mengintegrasikan konsep pelaburan dan wakaf untuk memastikan sumbangan pewakaf memberikan manfaat yang berterusan. Harta wakaf dalam perkhidmatan Wakaf ASNB berbentuk unit amanah yang bersifat kekal dengan menggunakan konsep wakaf Muabbad. Ini memastikan aset wakaf tidak boleh dijual, dipindah milik, atau diwarisi, demi memastikan manfaat yang berkekalan.

Unit amanah yang diwakafkan akan terus dikekalkan di akaun wakaf untuk menjana pulangan yang berterusan setiap tahun. Pulangan pelaburan yang diperoleh (sekiranya ada) dalam bentuk pengagihan pendapatan akan disalurkan sebagai dana manfaat wakaf. Dana manfaat ini kemudian akan disalurkan ke projek-projek wakaf yang dikenal pasti oleh ASNB Wakalah dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP.

Projek-projek wakaf yang dikenalpasti merangkumi sektor pendidikan, kesihatan, pemerkasaan komuniti serta misi kemanusiaan. Manfaat yang berterusan daripada dana manfaat wakaf yang disumbangkan akan terus memberi impak positif kepada masyarakat dan golongan yang memerlukan. Pewakaf, melalui sumbangan ini, dapat menunaikan amal jariah dan kebajikan yang berterusan, baik semasa hidup mahupun setelah mereka meninggal dunia.




## Agihan kepada 4 Sektor Wakaf ASNB

- Pendidikan
- Kesihatan
- Pemerkasaan Komuniti
- Misi Kemanusiaan

# Kaedah Pengurusan Wakaf ASNB

## Kaedah Pengurusan Wakaf ASNB

### 1 Pemegang unit memohon untuk berwakaf melalui Wakaf ASNB

Pemegang unit memohon/ melaksanakan Wakaf ASNB melalui saluran pengedaran yang disediakan.

### 2 Pemindahan unit amanah yang diwakafkan ke Akaun Wakaf

Unit dipindahkan ke akaun wakaf yang didaftarkan di ASNB (MAIWP sebagai Pemegang Amanah).

### 3 Pelaburan unit amanah yang diwakafkan diuruskan oleh PNB

PNB menguruskan pelaburan unit wakaf yang kekal di dalam tabung unit amanah ASNB

### 4 Pengagihan Pendapatan

Pengagihan pendapatan daripada unit wakaf terkumpul dipindahkan ke Akaun Pengagihan Wakaf.

### 5 Agihan Dana Manfaat Wakaf

Setelah ditolak yuran yang berkaitan, pengagihan pendapatan yang terjana disumbangkan ke projek-projek wakaf.

### 6 Audit Kewangan dan Pelaporan

Penyata kewangan Dana Manfaat Wakaf ASNB diaudit untuk memastikan ketelusan pelaporannya.

### 7 Penyata dan Laporan Tahunan Wakaf

Setiap tahun pewakaf menerima penyata dan laporan tahunan wakaf yang boleh diakses melalui laman web.

# Kelebihan

**Dana Wakaf yang Berkekalan**
Gabungan antara pelaburan dan wakaf, di mana dana yang diwakafkan dikekalkan untuk menjana pulangan pelaburan secara berterusan untuk disalurkan ke projek-projek wakaf yang memberi manfaat kepada masyarakat.

**Pengiktirafan Sebagai Mutawalli**
ASNB Wakalah adalah institusi pengurusan wakaf yang diiktiraf sebagai Mutawalli oleh MAIWP. ASNB Wakalah bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir perkhidmatan Wakaf ASNB, merangkumi proses pengumpulan dana wakaf dan pengagihan manfaat wakaf ke projek-projek wakaf yang memberi impak berterusan.

**Agihan ke Seluruh Malaysia**
Agihan manfaat wakaf dilaksanakan di seluruh negara kepada pelbagai golongan penerima dari pelbagai sektor.

**Tadbir Urus Telus dan Informatif**
Pewakaf akan menerima laporan tahunan yang menyeluruh, mengandungi maklumat jumlah dana wakaf yang terkumpul, pulangan pelaburan yang diperoleh daripada dana tersebut, serta agihan sumbangan kepada projek-projek wakaf. Setiap projek wakaf akan melalui proses ketekunan wajar yang komprehensif, termasuk penilaian pematuhan dan operasi, bagi memastikan penerima dan pengurus projek benar-benar layak untuk menerima sumbangan manfaat wakaf.

**Potongan Cukai Pendapatan**
Pewakaf layak mendapat potongan cukai bagi jumlah yang diwakafkan tertakluk kepada 10% daripada pendapatan agregat pewakaf bagi tahun taksiran tersebut. Sumbangan Wakaf ASNB ini layak mendapat potongan cukai di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

**Pelantikan Penerima Notis**
Pewakaf boleh menamakan waris untuk mendapat makluman berterusan berkaitan dana wakafnya selepas pewakaf meninggal dunia.

**Permohonan Mudah**
ASNB menawarkan saluran permohonan wakaf secara dalam talian melalui portal dan aplikasi myASNB, serta di rangkaian cawangan ASNB yang tersedia di seluruh negara.

# Sektor Projek

Sumbangan manfaat Wakaf ASNB disalurkan kepada 4 sektor utama iaitu pendidikan, kesihatan, pemerkasaan komuniti dan misi kemanusiaan.



## Pendidikan

Projek pendidikan meliputi pembangunan dan pengubahsuaian institusi pendidikan seperti sekolah, maahad tahfiz dan universiti, pembekalan infrastruktur/alatan latihan persekolahan/ pembelajaran untuk kemudahan dan keselesaan pelajar serta penajaan biasiswa bagi yang layak.

## Kesihatan

Projek kesihatan meliputi pembangunan dan pengubahsuaian institusi kesihatan yang baharu atau memerlukan penambahbaikan, pembekalan infrastruktur/alatan perubatan yang baharu atau menggantikan yang lusuh serta penajaan kos rawatan bagi pesakit-pesakit yang memerlukan bantuan kewangan untuk rawatan atau pembedahan.





## Pemerkasaan Komuniti

Projek pemerkasaan komuniti meliputi pembinaan dan pengubahsuaian masjid/institusi kebajikan seperti rumah anak yatim atau rumah kebajikan warga emas dan orang kurang upaya pembekalan infrastruktur/alatan/latihan seperti barangan elektrik, keperluan rumah dan kendiri serta penajaan kos latihan/bantuan perniagaan sebagai modal ilmu dan kewangan awal sehingga menjana punca pendapatan.

## Misi Kemanusiaan

Projek misi kemanusiaan meliputi pemulihan pasca bencana alam yang memerlukan baik pulih atau pembinaan bangunan baharu yang hancur dan rosak semasa bencana, bantuan bencana alam seperti kit kebersihan diri, makanan asas dan barangan keperluan semasa serta kursus persediaan menghadapi bencana seperti latihan rawatan kecemasan dan pembekalan alatan.



# Terma dan Syarat

### 1 Kelayakan Pemegang unit

- 18 tahun dan ke atas
- Waras dan tidak Muflis

### 2 Unit Amanah

- **Semua unit amanah harga tetap** yang diuruskan ASNB
- Unit-unit **milik penuh atau mutlak sahaja.**
- Unit yang **bercagar (pembiayaan)** dan yang disekat untuk **Hibah Amanah / Pengistiharan Amanah** tidak dibenarkan.

### 3 Jumlah Minimum

- 1,000 Unit atau RM1,000

### 4 Jumlah Maksimum

- Tiada had.
- Pemegang unit perlu mengekalkan baki minimum pelaburan tabung berkaitan (seperti yang terkandung dalam prospektus terkini)

### 5 Had Maksimum Individu (ASB & ASB 2)

- Unit yang diwakafkan daripada Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) adalah **termasuk dalam jumlah had maksimum pelaburan individu** bagi kedua-dua unit dana tersebut.

### 6 Konsep Wakaf Muabbad

- **Kekal**: Unit yang diwakafkan tidak boleh dipulangkan, dibatalkan, atau dipinda.
- **Pemindahan Milik**: Unit akan dipindah ke akaun MAIWP secara serta-merta.
- **Hak Pewakaf**: Pewakaf tidak boleh menuntut semula unit kerana ia bukan lagi milik mereka.

### 7 Yuran Permohonan

- Tiada sebarang yuran

# Saluran

Permohonan Wakaf ASNB boleh dilaksanakan menerusi tiga saluran pengedaran iaitu:

1 Portal myASNB

2 Aplikasi mudah alih myASNB

3 Cawangan ASNB seluruh negara



# Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Peneraju Wakaf Dan Rakan Strategik

**Januari** — Pertubuhan Penggerak Huffaz Berkemahiran Selangor

**Mei** — BANK ISLAM

**Ogos** — Maybank Islamic; MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

**September** — Waqaf An-Nur

**November** — AWQAF






Sesi perkongsian ilmu adalah salah satu inisiatif ASNB Wakalah dalam mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran menguruskan dana wakaf. Sesi perkongsian ini termasuk perkongsian maklumat mengenai latar belakang syarikat, pengurusan perkhidmatan wakaf dan projek-projek wakaf yang pernah dilaksanakan oleh kedua-dua entiti dan natijahnya membawa kepada satu perbincangan bagi potensi kolaborasi terhadap cadangan projek wakaf di bawah kendalian entiti masing-masing.

Sesi perkongsian ilmu juga membuka peluang kerjasama dengan para peneraju wakaf untuk terlibat sama dalam projek wakaf yang berinovatif dan berimpak tinggi.

Sesi ini juga menyediakan platform bagi membina hubungan dan rangkaian yang baik dengan peneraju industri wakaf dan rakan-rakan strategik dalam usaha memperkasa industri wakaf dan memacu pertumbuhan sektor kewangan sosial Islam.



# Aktiviti Pemasaran Wakaf ASNB

## 1 Wakaf Day

Program 'Wakaf Day' telah diperkenalkan pada tahun ini sebagai salah satu inisiatif utama untuk mempromosi dan menyampaikan maklumat serta penjelasan terperinci kepada para pemegang unit ASNB mengenai perkhidmatan Wakaf ASNB. Sebanyak 65 program 'Wakaf Day' telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024.













## 2 Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM)

Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) adalah program tahunan anjuran PNB dan ASNB yang bertujuan untuk mendedahkan masyarakat kepada literasi kewangan. Pada tahun 2024, acara literasi kewangan yang terbesar di Malaysia ini telah diadakan di Setia City Convention Centre, Shah Alam, Selangor pada 22 hingga 25 Ogos 2024. Program ini menawarkan pelbagai aktiviti yang menarik dan interaktif untuk mendidik masyarakat berkenaan kepentingan menguruskan kewangan dengan baik. Ini termasuk kewajiban sosial individu terhadap masyarakat, antaranya melalui sumbangan wakaf. Para pengunjung juga didedahkan bahawa pengurusan Wakaf ASNB menitikberatkan ketelusan dan integriti yang tinggi bagi memastikan sumbangan para pewakaf dapat memberi manfaat kepada masyarakat Malaysia khususnya.






## 3 Pembukaan reruai ASNB di premis syarikat-syarikat pelaburan Kumpulan PNB

Sebagai sebahagian daripada inisiatif di lapangan atau On-the-Ground (OTG), ASNB telah membuka reruai di beberapa premis syarikat pelaburan Kumpulan PNB untuk memperkenalkan perkhidmatan Wakaf ASNB dan menawarkan perkhidmatan urus niaga unit amanah ASNB dalam kalangan kakitangan syarikat-syarikat berkenaan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama syarikat pelaburan Kumpulan PNB seperti Sime Darby, Perodua, UMW, dan Maybank.










## 4 Kaunter Perkhidmatan ASNB

ASNB Wakalah turut menyertai kaunter perkhidmatan ASNB pada program-program berikut:

- Karnival Jom Heboh di Kuching, Sarawak.
- Program *International Conference on Islamic Financial Literacy* di Langkawi, Kedah.
- Kaunter perkhidmatan di KPJ Ampang Puteri.
- Kaunter perkhidmatan di kumpulan RZA Sdn Bhd, Petaling Jaya
- Kaunter perkhidmatan di TM Annexe 1, Kuala Lumpur.
- Kaunter perkhidmatan di Masjid Jannatun Na'im Sandakan, Sabah.

Melalui inisiatif ini, pemegang unit dapat berurusan terus dengan ASNB untuk mendapatkan khidmat nasihat dan melaksanakan urus niaga ASNB, termasuk perkhidmatan Wakaf ASNB. Program ini juga dapat memberi peluang kepada ASNB Wakalah untuk lebih mendekati para pemegang unit daripada pelbagai golongan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada mereka.












## 5 Taklimat Bersama Pemegang Unit ASNB

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk memperkenalkan konsep dan manfaat Wakaf ASNB, sesi taklimat telah dianjurkan kepada pemegang unit ASNB untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang Wakaf ASNB, serta peranannya dalam menyokong pembangunan sosial dan kebajikan komuniti.







## 6 Promosi sepanjang bulan Ramadan

Sepanjang bulan Ramadan, ASNB Wakalah telah melaksanakan pelbagai aktiviti pemasaran menerusi media televisyen dan radio terpilih untuk memperluaskan lagi capaian sasaran dan mengambil peluang meningkatkan kesedaran berwakaf pada bulan yang penuh keberkatan. Antara program utama yang dilaksanakan termasuk penajaan program Borak Dulu Baru Buka dan temu bual di program Selamat Pagi Malaysia untuk stesen TV RTM dan program temu bual Bicara Maqasid bersama PNB di Radio IKIM.







## 7 Pengiklanan Wakaf ASNB di Radio

Kempen promosi turut diperluaskan melalui iklan radio di sembilan stesen radio yang menjadi medium utama dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap inisiatif wakaf ini. Pendekatan bersepadu ini diharap dapat mencapai sasaran khalayak yang lebih luas serta memperkukuh usaha ASNB dalam mempromosikan perkhidmatan wakaf kepada masyarakat.

IKIMfm Radio Klasik Zayan NASIONALfm Sentiasa Di Hati MELAKA fm KEDAHfm KELANTANfm SABAHfm Sarawak fm

## 8 Papan iklan wakaf

Pada tahun ini, papan iklan telah dipasang di beberapa lokasi di negeri Perak, Terengganu dan Negeri Sembilan. Langkah ini bertujuan memastikan masyarakat di luar Lembah Klang turut mendapat pendedahan mengenai perkhidmatan Wakaf ASNB.




## 9 Penerbitan Video Testimoni

Video ini memaparkan perkongsian peribadi pemegang unit ASNB yang melaksanakan Wakaf ASNB dan berkongsi pandangan serta pengalaman mereka tentang kelebihan dan impak berwakaf dengan ASNB. Testimonial ini menjadi bukti keberkesanan Wakaf ASNB dalam memberi manfaat kepada masyarakat secara langsung dan inspirasi kepada masyarakat untuk turut serta berwakaf.



## 10 Promosi Wakaf ASNB di Media Sosial

Media sosial kini menjadi salah satu saluran untuk menyampaikan maklumat mengikut kumpulan sasaran. Pempengaruh media sosial turut memainkan peranan penting dengan mempromosikan Wakaf ASNB melalui inisiatif perkongsian maklumat tentang kepentingan dan manfaat wakaf kepada pengikut mereka. Inisiatif ini bukan sahaja berjaya meningkatkan kesedaran awam tetapi juga menggalakkan lebih ramai individu untuk menyertai amalan wakaf, sekaligus menyemarakkan budaya memberi dalam masyarakat. Selain itu, ASNB turut aktif memanfaatkan platform media sosial rasminya seperti Instagram (asnbmy), Facebook (Amanah Saham Nasional Berhad), YouTube (ASNBmy), dan TikTok (asnbmy).








## 11 Kempen Seikhlas Wakaf

Kempen Seikhlas Wakaf telah dilaksanakan untuk menggalakkan penyertaan pewakaf secara dalam talian melalui platform myASNB. Kempen ini menawarkan peluang kepada pewakaf untuk beramal sambil berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik.

Melalui kemudahan transaksi dalam talian yang mudah dan pantas, kempen ini berjaya memudahkan pewakaf untuk menyumbang sambil memperkukuhkan kesedaran masyarakat terhadap inisiatif Wakaf ASNB.






# Tinjauan Keseluruhan Wakaf ASNB

**Pewakaf**

23,697

**Unit Wakaf Terkumpul**

76.93 Juta

## Dana Manfaat Wakaf ASNB

**Pendapatan Bersih Terkumpul 2023 Dibawa Ke 2024**

RM1,482,104[1]

+

**Pendapatan Bersih Sebelum Agihan 2024**

RM2,757,660

Agihan 2024

**RM1,638,390**

**Pendapatan Bersih Terkumpul 2024 Dibawa Ke 2025**

**RM2,601,374**[2]

Nota:
*1.* Baki pendapatan bersih 2023 untuk diagihkan pada tahun 2024.
*2.* Baki pendapatan bersih 2024 untuk diagihkan pada tahun 2025.

# Prestasi Wakaf ASNB

## Unit Wakaf

Sejak dilancarkan, kutipan Wakaf ASNB telah meningkat secara konsisten dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan peningkatan penerimaan pemegang unit untuk bersama-sama menyertai Wakaf ASNB, mencerminkan kepercayaan dan sokongan berterusan mereka terhadap usaha kebajikan yang dilaksanakan.




Rajah 1: Unit wakaf tahunan dan jumlah unit wakaf terkumpul sepanjang tahun operasi

Sehingga 31 Disember 2024, Wakaf ASNB telah mencatatkan jumlah kutipan terkumpul sebanyak 76.93 juta unit, peningkatan sebanyak 26.12 juta unit atau 28% pada tahun 2024 berbanding 20.48 juta unit pada tahun sebelumnya.



# Pewakaf Baharu

Bilangan pewakaf baharu pada tahun 2024 mencatat peningkatan yang signifikan, iaitu seramai 9,326 orang. Peningkatan yang ketara sebanyak 38% ini menjadikan jumlah keseluruhan pewakaf sejak Wakaf ASNB mula beroperasi adalah sebanyak 23,697 orang. Peningkatan ini mencerminkan keyakinan dan kepercayaan berterusan pemegang unit ASNB terhadap perkhidmatan Wakaf ASNB.




Rajah 2: Bilangan pewakaf baharu dan jumlah pewakaf terkumpul sepanjang tahun operasi



# Unit Wakaf Mengikut Unit Amanah

Sejak pelancaran sehingga 31 Disember 2024, jumlah wakaf terkumpul adalah sebanyak 76.93 juta unit dengan 77.07% adalah daripada pelaburan ASB. Manakala untuk tahun 2024, jumlah kutipan unit wakaf adalah sebanyak 26.12 juta unit, dengan ASB mewakili 78.36% daripada keseluruhan kutipan.

Jumlah wakaf mengikut unit amanah adalah seperti rajah 3 dan 4 dibawah:




Rajah 3: Unit wakaf terkumpul mengikut unit amanah




Rajah 4: Unit wakaf mengikut unit amanah tahun 2024

Bermula 1 Januari 2024, unit amanah harga berubah tidak lagi ditawarkan untuk Wakaf ASNB. Walau bagaimanapun, pengagihan pendapatan yang terjana daripada unit wakaf yang telah disumbangkan daripada unit amanah harga berubah sebelumnya masih akan terus diagihkan untuk projek-projek wakaf.

# Pengagihan Pendapatan Mengikut Unit Amanah

Jumlah pengagihan pendapatan terkumpul yang diperoleh daripada jumlah keseluruhan kutipan wakaf adalah sebanyak RM3,495,185 dengan agihan pendapatan ASB merangkumi RM2,920,278 atau 83.55%. Jumlah pengagihan pendapatan mengikut unit amanah adalah seperti di graf berikut :-




Rajah 5: Pengagihan pendapatan dan bonus (sekiranya ada) berdasarkan unit amanah



# Dana Manfaat Wakaf ASNB

Dana manfaat Wakaf ASNB adalah hasil pulangan berbentuk pengagihan pendapatan yang dijana melalui unit amanah yang diwakafkan dan diagihkan kepada projek-projek wakaf terpilih selepas ditolak yuran-yuran berkaitan. Agihan dana manfaat tertumpu kepada empat (4) sektor iaitu pendidikan, kesihatan, pemerkasaan komuniti dan misi kemanusiaan.

## Struktur Yuran

### Pentadbiran

6.5% daripada pengagihan pendapatan/bonus dana wakaf (jika ada).

### Mutawalli

5.0% daripada pengagihan pendapatan/bonus dana wakaf (jika ada).

### Perkhidmatan

RM15 setahun bagi setiap pewakaf akan ditolak daripada jumlah pengagihan pendapatan/bonus dana wakaf yang terkumpul

Yuran hanya dikenakan pada hasil pengagihan pendapatan untuk menampung kos operasi dan pentadbiran Wakaf ASNB. Tiada yuran dikenakan pada unit asal atau pemegang unit yang ingin berwakaf.



# Pengurusan Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB

Pemilihan projek wakaf atau penerima sumbangan dana manfaat wakaf yang dilaksanakan adalah berdasarkan Garis Panduan Umum Pengurusan Wakaf ASNB yang diluluskan oleh JPWB. Garis panduan ini menggariskan enam (6) proses utama yang terlibat dalam pengagihan dana manfaat wakaf yang digunapakai oleh ASNB Wakalah bagi memastikan agihan dilaksanakan dengan telus dan berkesan.






| | | |
|---|---|---|
| 1. | **Permohonan/ Cadangan** | Proses permohonan sumbangan bermula dengan pemohon mengemukakan tujuan dan objektif permohonan secara jelas. Setiap permohonan perlu disertakan dengan borang yang lengkap. ASNB Wakalah atau cawangan ASNB turut berperanan mencadangkan individu, organisasi, atau entiti yang layak untuk disenarai pendek sebagai penerima dana manfaat wakaf. |
| 2. | **Semakan Permohonan dan Saringan Ketekunan Wajar** | Semua permohonan dan cadangan sumbangan akan melalui proses penilaian yang melibatkan saringan ketekunan wajar, termasuk aspek pematuhan dan operasi. |
| 3. | **Keputusan Permohonan** | Penilaian dan saringan ketekunan wajar dari aspek pematuhan dan operasi akan menentukan keputusan permohonan, sama ada untuk dicadangkan, dipertimbangkan atau ditolak. Permohonan yang lulus akan dibawa ke peringkat seterusnya untuk pertimbangan Ahli Lembaga Pengarah/JPWB. Proses pemilihan agihan manfaat wakaf mengambil kira beberapa faktor utama seperti berikut:<br><br>**Fokus Projek**: Projek dalam negara dengan keutamaan untuk warganegara sebelum agihan ke luar atau bukan warganegara.<br><br>**Penggunaan dan Pengekalan Manfaat**: Manfaat boleh diguna serta merta atau berpotensi kekal selama 3 tahun atau lebih.<br><br>**Kos**: Kos keseluruhan projek adalah berpatutan dan dalam lingkungan peruntukan dana manfaat wakaf yang tersedia.<br><br>**Anggaran Penerima Manfaat**: Projek disasarkan dapat memberi manfaat kepada penerima dalam jumlah besar contohnya, melebihi 100 orang, bagi memaksimumkan capaian dan kesan dana manfaat wakaf kepada masyarakat setempat.<br><br>**Risiko Pelaksanaan Dan Kesesuaian Projek**: Keutamaan diberikan kepada projek yang berisiko rendah serta memenuhi keperluan komuniti di kawasan berkenaan. |
| 4. | **Pengagihan Dana Manfaat Wakaf** | Dana manfaat wakaf boleh disalurkan melalui beberapa kaedah, termasuk sumbangan tunai, barangan, perkhidmatan, atau kaedah lain yang dianggap sesuai untuk manfaat penerima. |
| 5. | **Pemantauan dan Pelaporan** | Selepas penyerahan dana manfaat wakaf dilaksanakan, pengurus projek wakaf diwajibkan untuk melaporkan tadbir urus, hasil, dan kemajuan projek kepada ASNB Wakalah secara berkala bagi tujuan pelaporan. |
| 6. | **Penilaian Prestasi** | Sebagai langkah terakhir, penilaian dilakukan secara berterusan bagi memantau keberkesanaan perlaksanaaan projek dan prestasi pengurus projek. |

ASNB Wakalah amat menitikberatkan integriti dan ketelusan dalam pemilihan penerima sumbangan atau projek wakaf. Ini bagi memastikan manfaat wakaf disalurkan kepada golongan yang memerlukan dan memberikan kebaikan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Pendekatan ini adalah selaras dengan amanah yang diberikan oleh para pewakaf Wakaf ASNB, untuk memastikan manfaat wakaf yang terjana daripada sumbangan mereka dilaksanakan dengan efektif dan dapat memberi impak yang besar kepada masyarakat.

# Laporan Agihan Dana Manfaat Wakaf ASNB

**Tahun 2024**
**RM1,638,390**

**Tahun 2023**
**RM598,517**



**174%**
**PENINGKATAN**

Jumlah agihan pada tahun 2024 telah meningkat kepada RM1,638,390, berbanding RM598,517 pada tahun 2023. Peningkatan sebanyak 174% ini adalah hasil daripada pertumbuhan dana wakaf yang signifikan dan peningkatan jumlah sumbangan yang diterima daripada para pewakaf.

Strategi pelaburan PNB yang kukuh sebagai pengurus dana telah menyumbang kepada hasil pulangan yang kompetitif dan mampan kepada unit Wakaf ASNB.



# Pecahan Dana Manfaat Mengikut Sektor

Pada tahun 2024 agihan dana manfaat wakaf telah disalurkan mengikut sektor seperti berikut :-

| Sektor | Bilangan Penerima | Jumlah Agihan | Peratusan |
|---|---|---|---|
| **Pendidikan** | • 98 Komuniti<br>• 21 Maahad Tahfiz/Sekolah/Tadika<br>• 7 Universiti | • RM780,310 | 48% |
| **Kesihatan** | • 3 Kospital/Klinik<br>• 2 Rumah kebajikan | • RM197,860 | 12% |
| **Pemerkasaan komuniti** | • 790 Komuniti<br>• 41 Masjid/Surau<br>• 11 Maahad Tahfiz/Sekolah/Tadika<br>• 10 Rumah anak yatim/Fakir miskin<br>• 2 Rumah kebajikan lain | • RM567,320 | 35% |
| **Misi kemanusiaan** | • 3 Komuniti<br>• 1 Masjid/Surau | • RM92,900 | 5% |
| **Jumlah** | | **RM1,638,390** | **100%** |

Projek agihan telah dilaksanakan yang melibatkan **989** penerima terdiri daripada pelbagai entiti, memberikan manfaat kepada masyarakat.



# Kategori Penerima Dana Manfaat






# Agihan Dana Manfaat Mengikut Negeri

Pembahagian dana manfaat wakaf ke seluruh negara merupakan salah satu usaha untuk memastikan bantuan wakaf dapat dimanfaatkan secara menyeluruh dan inklusif oleh komuniti yang memerlukan. ASNB Wakalah komited dalam menyalurkan dana ini secara strategik dan sistematik demi memastikan setiap negeri menerima manfaat daripada wakaf hasil sumbangan pemegang unit ASNB di seluruh negara.

Berikut adalah statistik penerima manfaat dana wakaf ASNB mengikut negeri dan jumlah entiti bagi tahun 2024:



# Maklumat Agihan Dana Manfaat Wakaf

## Sektor Pendidikan

- Sebanyak **RM780,310** telah diagihkan untuk sektor pendidikan.
- Sumbangan yang diberikan meliputi pembekalan barangan, biasiswa, pembinaan dan pengubahsuaian bangunan fasiliti institusi pendidikan.
- Berikut merupakan senarai penerima agihan manfaat daripada sektor pendidikan :-

| Rakan Kerjasama/ Penerima | Jenis Sumbangan | Negeri Agihan | Jumlah Agihan |
|---|---|---|---|
| 1. Yayasan Didik Negara | • Program makanan tambahan murid sekolah menengah kepada SMK Sungai Manggis, Banting | • Selangor | • RM150,000 |
| 2. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Yayasan Tabung Haji | • Pembekalan bas kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Pusat Wakaf dan Zakat USIM, Nilai | • Negeri Sembilan | • RM150,000 |
| 3. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) | • Pembinaan padang bola ‘street soccer’ di Asrama Anak Yatim Darul Akhyar, Kuala Nerus | • Terengganu | • RM85,000 |
| 4. Yayasan Universiti Malaysia Pahang Al Sultan Abdullah (UMPSA) | • Pembiayaan biasiswa AWSB - Yayasan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) | • Pahang | • RM80,000 |
| 5. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam Universiti Sains Malaysia (ISDEV USM) | • Pembiayaan biasiswa AWSB - ISDEV melalui Anugerah Khas Pendidikan bagi penerima B40 Program Sarjana | • Pulau Pinang | • RM47,080 |
| | • Pembiayaan program latihan 'Digital Literasi Intervensi Insan' menerusi pembangunan asnaf | | • RM24,900 |
| | • Pembiayaan anugerah pingat emas melalui Geran Penyelidikan AWSB-ISDEV | | • RM5,000 |
| 6. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) | • Pembekalan peralatan pembelajaran (Smart TV dan komputer desktop) kepada sekolah terpilih di Negeri Sembilan | • Negeri Sembilan | • RM46,000 |
| 7. Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) SK Seksyen 2 Bandar Kinrara | • Menaik taraf pusat sumber sekolah | • Selangor | • RM43,937 |
| 8. PIBG SMK Desa Perdana | • Menaik taraf anjung ilmu Program Pendidikan Khas Integrasi | • Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | • RM23,000 |
| 9. Yayasan Ikhlas | • Pembekalan kelengkapan dan kemudahan pelajar di Maahad Tahfiz Al Fateh, Batang Kali | • Selangor | • RM15,000 |
| | • Penajaan biasiswa pelajar Borneo Sabah di Maahad Tahfiz Al-Fateh, Batang Kali | • Sabah | • RM6,300 |

| Rakan Kerjasama/ Penerima | Jenis Sumbangan | Negeri Agihan | Jumlah Agihan |
|---|---|---|---|
| 10. Pertubuhan Semporna Prihatin | • Pembiayaan tabung pendidikan tinggi bagi fakir miskin di pedalaman<br>• Pembekalan set robotik kepada SK Labuan Haji, Semporna | • Sabah<br>• Sabah | • RM10,000<br>• RM10,000 |
| 11. Persatuan Penduduk Lembah Beringin | • Penajaan kos pengoperasian Tabika KEMAS Raudhatul Najjah, Lembah Beringin | • Selangor | • RM13,500 |
| 12. Pertubuhan Kasih Tyzo | • Pembekalan sarapan pagi kepada pelajar kurang berkemampuan di SMK Dharma | • Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | • RM12,760 |
| 13. PIBG SK Chengal Lempong, Kuantan | • Pembangunan pusat peralatan permainan dalaman dan rangsangan deria khusus | • Pahang | • RM10,267 |
| 14. Sekolah Kebangsaan Jalan Baharu, Perai | • Pembekalan satu (1) unit gazebo | • Pulau Pinang | • RM9,800 |
| 15. Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Besar, Kuantan | • Pembekalan 50 unit meja dan 50 unit kerusi | • Pahang | • RM9,770 |
| 16. Sekolah Kebangsaan Teruntum, Kuantan | • Pembekalan 140 unit kerusi | • Pahang | • RM5,740 |
| 17. Sekolah Kebangsaan St Thomas, Kuantan | • Pembekalan komputer riba, mesin pencetak, papan putih, kerusi dan bangku | • Pahang | • RM5,466 |
| 18. Taska Persekutuan Seruan Islam, Ipoh | • Pembekalan tikar lantai getah | • Perak | • RM5,000 |
| 19. PIBG SK Kuala Penor, Kuantan | • Pembekalan sepuluh (10) unit papan putih | • Pahang | • RM3,500 |
| 20. Sekolah Kebangsaan Indera Mahkota, Kuantan | • Pembekalan satu (1) set alatan sistem siar raya | • Pahang | • RM2,785 |
| 21. Maahad Tahfiz Asy Syatibi, Marang | • Pembekalan satu (1) unit mesin basuh | • Terengganu | • RM2,333 |
| 22. Sekolah Menengah Agama Negeri Tambunan | • Pembekalan satu (1) unit mesin basuh | • Sabah | • RM2,329 |
| 23. Maahad Tahfiz Al Quran Al Raudhah, Simpang Empat | • Pembekalan satu (1) unit peti sejuk beku | • Perlis | • RM843 |
| **Jumlah Agihan** | | | **RM780,310** |

# Bingkisan Wakaf ASNB

## Program makanan tambahan murid sekolah menengah melalui kolaborasi bersama Yayasan Didik Negara









**Jumlah Agihan**

**RM150,000** → Yayasan Didik Negara

**Impak Agihan**

**Rancangan Makanan Tambahan di sekolah menengah**

- Pembiayaan bagi program makanan tambahan yang sebelum ini hanya dilaksanakan di peringkat sekolah rendah telah ditambah baik dan dipanjangkan kepada sekolah menengah, bagi memastikan para pelajar sekolah menengah turut menerima manfaat dan memperoleh nutrisi yang baik.
- Seramai 70 orang pelajar yang kurang berkemampuan telah mendapat manfaat daripada program ini. Kadar kehadiran pelajar menunjukkan peningkatan yang ketara selepas program ini dilaksanakan.
- Kandungan nutrisi makanan adalah berpandukan pada garis panduan Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

# Pembinaan padang bola sepak jalanan di Asrama Anak Yatim Darul Akhyar, Terengganu

*Sebelum*



*Selepas*



**Jumlah Agihan**

**RM85,000** → Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu

**Impak Agihan**

**Padang bola sepak jalanan untuk anak yatim**

- Pembinaan padang bola sepak jalanan yang telah memberikan keceriaan kepada anak-anak yatim yang sebelum ini hanya beriadah di atas jalan tar yang berbahaya.
- Fasiliti ini yang memberi manfaat kepada lebih daripada 70 penghuni rumah tersebut juga berfungsi sebagai pusat sukan dan pelaksanaan aktiviti program luaran untuk meningkatkan penglibatan anak-anak yatim dalam aktiviti kokurikulum serta menjadi gelanggang latihan bagi mereka yang terpilih mewakili sekolah dalam pelbagai pertandingan.

# Penyerahan agihan manfaat wakaf untuk pembiayaan pendidikan pelajar, program latihan dan anugerah universiti ISDEV USM







**Jumlah Agihan**

**RM76,980** → Pembiayaan kepada ISDEV USM

**Impak Agihan**

**Jenis pembiayaan:**

1. Pembiayaan biasiswa AWSB – ISDEV melalui Anugerah Khas Pendidikan bagi penerima B40 Program Sarjana
2. Pembiayaan program latihan 'Literasi Digital Intervensi Insan' untuk pembangunan asnaf
3. Pembiayaan anugerah pingat emas melalui Geran Penyelidikan AWSB – ISDEV
    - Biasiswa yang ditawarkan adalah satu inisiatif dalam membantu pelajar cemerlang daripada golongan B40 untuk meneruskan kecemerlangan dalam pembelajaran akademik supaya dapat berkhidmat dan memberi manfaat semula kepada masyarakat.
    - Program latihan digital yang diperkenalkan sangat signifikan dan selari dengan perkembangan pembelajaran generasi muda masa kini yang terdedah kepada kemajuan teknologi.
    - Keperluan penyelidikan pada tahap tertinggi dapat dicapai melalui pembiayaan kos yang diperlukan. Hasil daripada penyelidikan ini seterusnya dapat dijadikan sebagai bahan rujukan dan manfaat kepada orang ramai.

# Sumbangan menaik taraf pusat sumber Sekolah Kebangsaan Seksyen 2 Bandar Kinrara








**Jumlah Agihan**

**RM43,937** → Sekolah Kebangsaan Seksyen 2 Bandar Kinrara

**Impak Agihan**

**Pembinaan bilik Alat Pandang Dengar (APD)**

- Transformasi pusat sumber dengan pembinaan bilik APD memenuhi keperluan pembelajaran digital dan memberikan pendedahan berkaitan kemahiran sinematografi yang meliputi fotografi dan videografi.
- Fungsi bilik APD juga diperluaskan dengan menggalakkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) seperti video, audio dan persembahan multimedia untuk menjelaskan konsep-konsep yang sukar difahami dengan lebih mudah. Ianya juga membantu dalam penglibatan aktiviti kokurikulum seperti pertandingan wartawan cilik dan cipta video pendek ke peringkat lebih tinggi.
- Penaiktarafan pusat sumber ini telah memanfaatkan seramai 1,800 orang pelajar dengan kapasiti penuh seramai 100 orang pada satu masa.

# Sektor Kesihatan

- Sebanyak **RM197,860** telah diagihkan untuk sektor kesihatan.
- Jenis sumbangan meliputi pembekalan barangan perubatan dan peralatan untuk klinik dan hospital yang akan dimanfaatkan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Selain itu, terdapat juga dana atau tajaan untuk kos rawatan pesakit hospital yang kurang berkemampuan.
- Berikut adalah senarai penerima agihan manfaat daripada sektor kesihatan:-

| Rakan Kerjasama/ Penerima | Jenis Sumbangan | Negeri | Jumlah Agihan |
|---|---|---|---|
| 1. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) | • Aset perubatan kepada hospital dan klinik terpilih di Negeri Sembilan | • Negeri Sembilan | • RM52,000 |
| 2. The National Kidney Foundation of Malaysia (NKF) | • Mesin hemodialisis kepada Pusat Dialisis NKF, Kuala Terengganu | • Terengganu | • RM40,000 |
| | • Pembelian mesin penimbang berat badan kepada Pusat Dialisis NKF - Dato' Dr. G.A. Sreenevasan, Petaling Jaya | • Selangor | • RM10,600 |
| 3. Hospital Sultan Abdul Aziz Shah Universiti Putra Malaysia (HSAAS UPM) | • Dana kepada tabung amanah sumbangan kebajikan pesakit bagi kos rawatan, pembekalan alatan, dan ubat-ubatan | • Selangor | • RM50,000 |
| 4. Hospital Rehabilitasi Cheras | • Pembekalan alatan perubatan bagi kegunaan pesakit hospital | • Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | • RM45,260 |
| **Jumlah Agihan** | | | **RM197,860** |

# Bingkisan Wakaf ASNB

## Penyerahan pembekalan alatan perubatan dan bantuan kos rawatan kepada Hospital Rehabilitasi Cheras dan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, UPM








**Jumlah Agihan**

**RM95,260** → **Hospital Rehabilitasi Cheras dan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, UPM**

**Impak Agihan**

**Pembekalan alatan perubatan dan bantuan kos rawatan**

- Pembekalan alatan perubatan baharu seperti “Robohand clinic”, “Pedal exerciser”, “Bariatric wheelchair”, “Electric mobile hoist”, “Molift Raiser Pro”, “Urner Pro” dan lain-lain kepada pihak hospital telah membantu mereka menyediakan khidmat rawatan yang terbaik serta seiring dengan kemajuan teknologi, demi kesejahteraan para pesakit.
- Penubuhan tabung kebajikan sebagai satu inisiatif untuk membantu pesakit kurang berkemampuan bagi menanggung kos rawatan dan memastikan mereka mendapat rawatan yang sewajarnya tanpa halangan kewangan.
- Alatan-alatan yang diberikan adalah sangat penting kepada pesakit dalam menjalani proses rehabilitasi, meningkatkan latihan kardio, bantuan pergerakan serta menampung berat berlebihan.

# Pembekalan mesin hemodialisis dan mesin penimbang berat khas kepada The National Kidney Foundation of Malaysia









**Jumlah Agihan**

**RM50,600** → **Pusat Dialisis NKF, Kuala Terengganu dan Pusat Dialisis NKF Dato' Dr. G.A. Sreenevasan, Petaling Jaya**

**Impak Agihan**

**Pembekalan mesin hemodialisis dan mesin penimbang berat khas**

- Melalui pembekalan mesin hemodialisis baharu, slot rawatan dapat ditambah, mengurangkan kepadatan pesakit, memberikan keselesaan dan meningkatkan kecekapan rawatan.
- Mesin penimbang khas digunakan untuk saringan sebelum rawatan dialisis dilaksanakan di mana berat badan dan kandungan cecair dalam badan perlu ditimbang sebagai penunjuk aras penting dalam mengenal pasti kandungan cecair dan berat yang boleh dibuang semasa proses rawatan.

# Sektor Pemerkasaan Komuniti

- Sebanyak **RM567,320** telah diagihkan kepada sektor pemerkasaan komuniti.
- Sumbangan meliputi pembekalan barangan, pengubahsuaian institusi kebajikan, penajaan modal latihan, dan lain-lain.
- Berikut merupakan senarai penerima agihan manfaat daripada sektor pemerkasaan komuniti:-

| Rakan Kerjasama/ Penerima | | Jenis Sumbangan | Negeri Agihan | Jumlah Agihan |
|---|---|---|---|---|
| 1. Program Seikhlas Wakaf Seindah Ramadan (SWSR) | • 690 golongan asnaf dan B40 di seluruh negara dan 70 orang anak-anak yatim di Melaka | • Kit Syawal bekalan makanan asas dan persiapan Hari Raya serta barang kelengkapan sekolah | • Seluruh Negara | • RM117,877 |
| | • 31 masjid-masjid terpilih di seluruh negara | • Sumbangan tunai bagi program iftar bersempena program SWSR | • Seluruh Negara | • RM62,000 |
| | • Masjid As Salimin Kampung Kandang | • Sumbangan tunai bagi kegunaan operasi masjid bersempena program SWSR. | • Melaka | • RM3,000 |
| 2. Wakaf Pulau Pinang | | • Pembiayaan pembelian dua (2) unit rumah kos rendah untuk sewaan kepada golongan B40 dan asnaf | • Pulau Pinang | • RM100,000 |
| 3. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) | | • Pembiayaan bantuan kelengkapan rumah asnaf di Labuan | • Wilayah Persekutuan Labuan | • RM72,904 |
| 4. International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) | | • Pembiayaan program keusahawanan 'Soil To Sale' di Maahad Tahfiz dan Kemukjizatan Al Quran, Gerik | • Perak | • RM57,000 |
| 5. Yayasan Orang Buta Malaysia (YOBM) | | • Pembiayaan pembelian sepuluh (10) unit mesin taip Braille untuk keperluan murid-murid berkeperluan khas Orang Kurang Upaya | • Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | • RM50,270 |

| Rakan Kerjasama/ Penerima | Jenis Sumbangan | Negeri Agihan | Jumlah Agihan |
|---|---|---|---|
| 6. Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Semarak, Nilai | • Pembinaan bumbung parkir rumah anak yatim<br>• Pembekalan satu (1) unit peti sejuk dan satu (1) unit mesin basuh | • Negeri Sembilan | • RM7,000<br>• RM3,176 |
| 7. Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan | • Pembekalan kasut sukan dan selipar kanak-kanak | • Pahang | • RM9,800 |
| 8. Persatuan Pertubuhan Gerakan Prihatin Kuala Krai | • Program prihatin dan cakna karpet surau Madrasah Kg Kemubu, Kuala Krai | • Kelantan | • RM9,768 |
| 9. Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras, Sungai Buloh | • Menaik taraf tandas asrama lelaki | • Selangor | • RM9,000 |
| 10. Pertubuhan Kebajikan Ukhuwah Anak Yatim Islam Dan Miskin, Sabak Bernam | • Pembekalan lima (5) unit rak besi pelbagai guna | • Selangor | • RM7,770 |
| 11. Rumah Anak Yatim Daerah Kuala Muda, Sungai Petani | • Pembekalan sepuluh (10) unit almari besi lokar, lima (5) katil dan tilam, serta 13 unit bantal | • Kedah | • RM7,190 |
| 12. Persatuan Inspirasi Mualaf, Shah Alam | • Pembiayaan bagi kelas pendidikan dan pembangunan kepada mualaf untuk tempoh satu (1) bulan | • Selangor | • RM6,000 |
| 13. Pusat Jagaan Cahaya Kasih Bestari, Shah Alam | • Pemasangan gril untuk pintu, pintu gelongsor dan tingkap asrama<br>• Pembekalan satu (1) set televisyen kamera litar tertutup | • Selangor | • RM5,000<br>• RM645 |
| 14. Pertubuhan Pengurusan Asrama Kebajikan Anak-Anak Yatim Miskin Sekendi, Sabak Bernam | • Pembekalan satu (1) unit komputer riba dan satu (1) unit mesin pencetak<br>• Pembekalan satu (1) unit mesin basuh | • Selangor | • RM2,270<br>• RM2,333 |
| 15. Masjid Tajul Akbar Indera Mahkota, Kuantan | • Pembekalan pam air dan tangki | • Pahang | • RM4,500 |
| 16. Persatuan Kebajikan Anak Yatim Dan Miskin Al-Munirah, Klang | • Pembekalan 103 unit bahan ilmiah<br>• Pembekalan satu (1) unit peti sejuk beku | • Selangor | • RM2,000<br>• RM843 |

| Rakan Kerjasama/ Penerima | Jenis Sumbangan | Negeri Agihan | Jumlah Agihan |
|---|---|---|---|
| | • Pembekalan lima (5) buah meja belajar boleh lipat<br>• Pembekalan sepuluh (10) unit kalkulator saintifik | • Selangor | • RM830<br>• RM765 |
| 17. Pertubuhan Kebajikan Al-Kausar, Bangi | • Pembekalan lima (5) unit kipas berdiri dan sepuluh (10) unit kipas dinding | • Selangor | • RM3,565 |
| 18. Yayasan Amanah An-Nur Maisarah, Chemor | • Pembekalan satu (1) unit komputer riba<br>• Pembekalan lima (5) unit meja plastik bulat | • Perak | • RM2,020<br>• RM1,330 |
| 19. Surau Ar Raudhah, Kuantan | • Pembekalan satu (1) set alatan sistem siar raya | • Pahang | • RM2,785 |
| 20. Masjid Jannatul Firdaus, Segamat | • Pembekalan satu (1) unit peti sejuk beku | • Johor | • RM2,409 |
| 21. Pertubuhan Anak-Anak Yatim Dan Kebajikan Darul Izzah, Temerloh | • Pembekalan satu (1) unit peti sejuk beku | • Pahang | • RM2,409 |
| 22. Pertubuhan Kebajikan Anak- Anak Yatim Islam, Segamat | • Pembekalan satu (1) unit televisyen pintar | • Johor | • RM2,347 |
| 23. Pertubuhan Kebajikan Dan Amal Rumah Teduh, Kangar | • Pembekalan satu (1) unit peti sejuk | • Perlis | • RM2,130 |
| 24. Masjid Darul Mualimin, Pusa | • Pembekalan lima (5) unit kipas berdiri | • Sarawak | • RM2,055 |
| 25. Surau As Syakirin, Butterworth | • Pembekalan satu (1) unit khemah kanopi | • Pulau Pinang | • RM2,000 |
| 26. Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan, Kota Bharu | • Pembekalan satu (1) unit kerusi roda, satu (1) unit kerusi roda kanak-kanak, dan satu (1) unit 'roller' kanak-kanak | • Kelantan | • RM1,890 |
| 27. Masjid Bandar Labis | • Pembekalan satu (1) unit penyejuk udara | • Johor | • RM439 |
| **Jumlah Agihan** | | | **RM567,320** |

# Bingkisan Wakaf ASNB

## Bantuan kit makanan, kelengkapan sekolah, dan tajaan iftar di 31 masjid seluruh negara melalui program Seikhlas Wakaf Seindah Ramadan










**Jumlah Agihan**

**RM182,877** → **31 Masjid seluruh negara**

**Impak Agihan**

- **Agihan manfaat Wakaf ASNB di bulan Ramadan**
- Bantuan bekalan asas kepada 690 isi rumah, telah membantu keluarga dalam kalangan asnaf dan B40 menyambut Ramadan dan Aidilfitri dengan lebih selesa. Seramai 70 anak yatim telah memanfaatkan sumbangan kelengkapan sekolah yang diberikan sempena pembukaan sesi persekolahan.
- Tajaan iftar kepada 31 buah masjid.
- Kemuncak program berlangsung di Masjid As-Salimin, Kampung Kandang, Melaka, dan diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri, Datuk Rahmad Mariman, Dato' Selamat Paigo, Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Dr Ahmad Basri Ibrahim selaku ahli Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP dan Encik Mohd Ridza Yahya, Ketua ASNB Wakalah. Program ini turut mendapat liputan di akhbar nasional seperti Utusan Malaysia dan Kosmo, seterusnya memberi kesedaran kepada masyarakat awam mengenai perkembangan dan aktiviti yang disalurkan oleh Wakaf ASNB secara telus.

# Pembiayaan pembelian dua (2) unit rumah kos rendah untuk sewaan kepada golongan B40 dan asnaf








**Jumlah Agihan**

**RM100,000** → **Wakaf Pulau Pinang**

**Impak Agihan**

**Solusi kediaman untuk golongan asnaf**

- Pembelian rumah kos rendah untuk disewakan kepada golongan asnaf/B40 dengan kadar yang lebih berpatutan daripada harga pasaran.
- Rumah sewa ini dapat mengurangkan beban golongan asnaf/B40 dalam mendapatkan kediaman yang mampu milik kesan daripada kos sara hidup yang tinggi.
- Hasil sewaan akan disalurkan semula ke dalam tabung wakaf yang dikendalikan oleh Wakaf Pulau Pinang untuk dimanfaatkan semula.

# Pembekalan sepuluh (10) unit mesin taip Braille kepada sekolah-sekolah pendidikan khas








**Jumlah Agihan**

**RM50,270** → **Yayasan Orang Buta Malaysia**

**Impak Agihan**

**Mesin taip Braille untuk pelajar orang kurang upaya (OKU) penglihatan**

- Keperluan mesin taip Braille sangat penting dalam membantu para pelajar OKU penglihatan menjalani sesi pembelajaran.
- Kos mesin yang tinggi dan ketiadaan kepakaran untuk membaiki mesin yang rosak menyebabkan kebanyakan sekolah kekurangan mesin taip Braille bagi menampung bilangan pelajar yang semakin meningkat.
- Kegunaan mesin taip Braille juga diperluaskan untuk penghasilan buku pembelajaran Braille sebagai rujukan pelajar.

# Sektor Misi Kemanusiaan

- Sebanyak **RM92,900** telah diagihkan kepada sektor misi kemanusiaan.
- Sumbangan ini meliputi pembiayaan program komuniti yang kurang berkemampuan, bantuan tunai kepada keluarga asnaf/B40, dan pembekalan kit makanan.
- Butiran penerima bagi sektor misi kemanusiaan adalah seperti berikut:-

| Rakan Strategik | Jenis Sumbangan | Negeri | Jumlah Agihan |
|---|---|---|---|
| 1. Yayasan Ammirul Ummah | • Pembiayaan program pembersihan tandas di masjid-masjid, termasuk pembekalan alatan pembersihan dan penyelenggaraan melibatkan 100 buah masjid di sekitar daerah Kuala Nerus | • Terengganu | • RM30,000 |
| 2. ARBA International Waqf (L) Foundation | • Bantuan wang tunai Keluarga Nadi tidak bersyarat bagi tempoh enam (6) bulan dan bantuan untuk anak-anak Adiwira | • Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | • RM21,600 |
| 3. Pertubuhan Semporna Prihatin | • Pembiayaan program sunat untuk fakir miskin di Sabah (Sunathon) | • Sabah | • RM21,300 |
| 4. Yayasan Che Mas | • Pembekalan bakul makanan kepada golongan asnaf dan OKU sekitar daerah Kubang Kerian | • Kelantan | • RM20,000 |
| **Jumlah Agihan** | | | **RM92,900** |

# Bingkisan Wakaf ASNB

## Program "Pembersihan Tandas Masjid" melibatkan 100 masjid








**Jumlah Agihan**

**RM30,000** → **Yayasan Ammirul Ummah**

**Impak Agihan**

**Program pembersihan tandas masjid**

- Program yang diuruskan oleh Yayasan Ammirul Ummah ini bertujuan untuk memastikan tandas masjid sentiasa dalam keadaan bersih bagi menjaga kesucian ibadah serta kesihatan masyarakat secara amnya.
- Tenaga pekerja yang terlibat dalam pembersihan tandas ini adalah daripada golongan asnaf yang secara langsung dapat membantu mereka menjana pendapatan melalui pembayaran upah pembersihan secara berkala.
- Program ini dilaksanakan secara mingguan/bulanan di masjid sekitar Terengganu yang melibatkan 5 tenaga kerja dengan nisbah 1 masjid: 2 pekerja.

# Bantuan wang tunai kepada golongan asnaf/B40










DIARI PERBELANJAAN

| Tarikh | Perbelanjaan | Jumlah (R |
|---|---|---|
| | Barang Keperluan Rumah | 351.30 |
| | Sewa rumah | 124.00 |
| | Bil Utiliti | 170.95 |
| | Pengangkutan (MINYAK) | 42.00 |
| | Perubatan/Kesihatan BELI UBAT | 51.30 |

**Jumlah Agihan**

**RM21,600** → ARBA International Waqf (L) Foundation

**Impak Agihan**

**Bantuan wang tunai kepada keluarga asnaf/B40 dan bantuan program Adiwira bagi anak-anak**

- Bantuan tunai diberikan kepada Keluarga Nadi di bawah anjuran ARBA International Waqf (L) Foundation (ARBA Foundation) untuk menampung kos sara hidup, termasuk bekalan makanan, pembayaran bil air dan elektrik, sewa rumah, pembiayaan pendidikan, keperluan bayi, dan keperluan asas lain dalam tempoh enam bulan.
- ARBA Foundation menggunakan sistem buku catatan perkembangan untuk memastikan ketelusan perbelanjaan, kecukupan nutrisi makanan, dan pengawalan emosi, seterusnya membantu golongan asnaf/B40 dalam pengurusan kewangan dan emosi mereka.
- Melalui platform bantuan ini, ianya memberi ruang dan peluang kepada kanak- kanak golongan asnaf/B40 untuk menyertai program Adiwira yang dianjurkan oleh ARBA Foundation dengan tujuan mengembangkan bakat dan kemahiran anak-anak penerima bantuan.

# Pembiayaan program berkhatan Sunathon untuk fakir miskin di Sabah




**Jumlah Agihan**

**RM21,300** ➞ Pertubuhan Semporna Prihatin

**Impak Agihan**

**Berkhatan secara percuma dengan Wakaf ASNB**

- Program Sunathon yang dianjurkan oleh Pertubuhan Semporna Prihatin telah membantu lebih daripada 200 kanak-kanak fakir miskin untuk berkhatan secara percuma, yang sebelum ini sukar diperolehi kerana kekangan seperti jarak klinik yang jauh dari kampung, kos rawatan yang tinggi, dan kos pengangkutan yang melibatkan laluan air dan darat.
- Program ini telah membantu memenuhi keperluan syariat serta memudahkan penjagaan kebersihan diri dan seterusnya menjamin kesucian dalam ibadah.

# Aktiviti Agihan Dana Manfaat Wakaf








SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI
TAMBUNAN
BERAMAL, BERIMAN & BERTAQWA




ASNB Wakaf
ASNB WAKALAH SDN. BHD.
SUMBANGAN DANA
MANFAAT WAKAF
RM150,000.00




ASNB
WAKAF


ASNB
WAKAF
VECTOR




ASNB
WAKAF



# Penyata Pengurus dan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Dana Manfaat Wakaf ASNB

# DANA MANFAAT WAKAF ASNB

## Penyata Pengurus dan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024

**DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

| **KANDUNGAN** | **MUKA SURAT** |
|---|---|
| PENYATA PENGURUS | 1 |
| PENGAKUAN BERKANUN | 1 |
| LAPORAN JURUAUDIT BEBAS | 2 - 5 |
| PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF | 6 |
| PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN | 7 |
| PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA | 8 |
| PENYATA ALIRAN TUNAI | 9 |
| NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN | 10 - 40 |

**DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

**PENYATA PENGURUS**

Kepada Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf

**WAKAF ASNB**

Kami, sebagai Pengarah kepada ASNB WAKALAH SDN. BHD., iaitu Pengurus kepada DANA MANFAAT WAKAF ASNB ("Dana") dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, berserta dengan nota-nota yang dibentangkan pada muka surat 6 hingga 40 disediakan mengikut Piawaian Perakaunan MFRS dan Piawaian Perakaunan IFRS, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 31 Disember 2024, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak ASNB WAKALAH SDN. BHD. selaku Pengurus kepada DANA MANFAAT WAKAF ASNB, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 24 Februari 2025.

Datuk Dr. Mohamad Akram bin Laldin

En. Fadzihan Abbas bin Mohamed Ramlee

**PENGAKUAN BERKANUN**

Saya, Mohd Irwan bin Ahmad Mustafa @ Mustafa, sebagai Pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Dana Manfaat Wakaf ASNB, dengan sesungguh dan seikhlasnya mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 6 hingga 40 pada pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mematuhi peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diisytiharkan
sesungguhnya oleh penama di atas
Mohd Irwan bin Ahmad Mustafa @ Mustafa
di Kuala Lumpur di Wilayah Persekutuan
pada 24 Februari 2025

Mohd Irwan bin Ahmad Mustafa @ Mustafa

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
NO. W 780
MOHD NAZRI BIN MOHAMAD JAIS
1 Jan 2024 - 31 Dis 2026
MALAYSIA

ASNB CAWANGAN KUALA LUMPUR
UG BALAI, BALAI PNB, 201-A, JALAN TUN RAZAK
50400 KUALA LUMPUR, WP

1

Shape the future
with confidence

Ernst & Young PLT
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039
SST ID: W10-2002-32000062
Chartered Accountants
Level 23A Menara Milenium
Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +603 7495 8000
Fax: +603 2095 5332 (General line)
+603 2095 9076
+603 2095 9078
ey.com

**Laporan juruaudit bebas kepada Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

**Laporan mengenai audit penyata kewangan**

*Pendapat*

Kami telah mengaudit penyata kewangan DANA MANFAAT WAKAF ASNB ("Dana"), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam dana dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, serta nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk maklumat dasar perakaunan material, seperti yang dibentangkan di muka surat 6 hingga 35.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Dana memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dana pada 31 Disember 2024, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS").

*Asas bagi pendapat*

Kami telah melaksanakan audit kami berdasarkan Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian "*Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan*" dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

*Kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika*

Kami bebas daripada Dana selaras dengan Undang-Undang Kecil (ke atas Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab yang lain selaras dengan Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

*Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit*

Pengurus Dana adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Wakaf ASNB tetapi tidak termasuk penyata kewangan Dana serta laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Dana tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan berkenaannya.

Ernst & Young PLT 202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039 was registered on 02.01.2020 and with effect from that date, Ernst & Young (AF 0039), a conventional partnership was converted to a limited liability partnership.



A member firm of Ernst & Young Global Limited

**Laporan juruaudit bebas kepada Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf**
**DANA MANFAAT WAKAF ASNB (SAMB.)**

*Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit (samb.)*

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Dana, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan dengan bertindak sebegitu, mempertimbangkan sama ada maklumat lain tersebut adalah tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Dana atau maklumat dalam pengetahuan kami dalam audit ini atau sebaliknya kelihatan tersalah nyata secara material.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami laksanakan ke atas maklumat lain, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata yang material dalam maklumat lain ini, kami wajib melaporkan fakta tersebut. Sehubungan itu, selain daripada fakta-fakta yang dinyatakan dalam asas kepada pendapat bertentangan, kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk dilaporkan.

*Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah ke atas penyata kewangan*

Pengurus Dana bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan agar memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS"). Pengurus juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman tertentu memandangkan penentuan Pengurus adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Dana dapat dilakukan secara bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Dana, Pengurus bertanggungjawab untuk mentaksir keupayaan Dana sebagai usaha berterusan, mendedahkan, hal-hal berkenaan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan ini kecuali jika Pengurus bercadang untuk membubarkan Dana atau memberhentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Dana. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

*Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan*

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah ialah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan menurut Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata material apabila ia wujud. Salah nyata boleh berlaku disebabkan penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara berindividu atau beragregat, dapat dijangka mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.



A member firm of Ernst & Young Global Limited

Shape the future
with confidence

**Laporan juruaudit bebas kepada Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf**
**DANA MANFAAT WAKAF ASNB (SAMB.)**

*Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan (samb.)*

Sebagai sebahagian daripada audit ini selaras dengan Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Audit Antarabangsa, kami menggunakan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan mentaksir risiko salah nyata yang material dalam penyata kewangan Dana, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana.

- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitannya yang dibuat oleh Pengurus.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan Pengurus ke atas bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang material berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan besar ke atas keupayaan Dana untuk terus menjadi usaha berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa ketidakpastian yang material wujud, kami dikehendaki untuk menumpu perhatian dalam laporan juruaudit kami di bahagian pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Dana atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa hadapan boleh menyebabkan Dana berhenti beroperasi secara usaha berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Dana, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Dana mewakili urus niaga dan peristiwa tersirat dalam cara yang memberi pandangan sebagai satu pembentangan yang benar.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang besar dalam kawalan dalaman yang telah dikenal pasti semasa pengauditan kami.



A member firm of Ernst & Young Global Limited

EY
Shape the future
with confidence

**Laporan juruaudit bebas kepada Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf**
**DANA MANFAAT WAKAF ASNB (SAMB.)**

**Perkara lain**

Laporan ini disediakan khas untuk Pemegang Amanah dan pewakaf-pewakaf Dana, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

| | |
|---|---|
| Ernst & Young PLT | Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor |
| 202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039 | No. 03083/07/2025 J |
| Akauntan-akauntan Bertauliah | Akauntan Bertauliah |

Kuala Lumpur, Malaysia
24 Februari 2025



A member firm of Ernst & Young Global Limited

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

| | Nota | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Pengagihan pendapatan daripada unit-unit amanah | 4 | 3,495,185 | 2,043,125 |
| Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan Islamik | | 19,876 | 8,040 |
| | | 3,515,061 | 2,051,165 |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Yuran pentadbiran dan perkhidmatan | 5 | (582,642) | (348,368) |
| Yuran mutawalli | 6 | (174,759) | (102,156) |
| | | (757,401) | (450,524) |
| **PENDAPATAN BERSIH SEBELUM AGIHAN** | | 2,757,660 | 1,600,641 |
| **AGIHAN** | | | |
| Agihan wakaf – pendidikan | 7 | (780,310) | (130,682) |
| Agihan wakaf – kesihatan | 8 | (197,860) | (350,400) |
| Agihan wakaf – pemerkasaan komuniti | 9 | (567,320) | (95,435) |
| Agihan wakaf – misi kemanusiaan | 10 | (92,900) | (22,000) |
| | | (1,638,390) | (598,517) |
| **PENDAPATAN BERSIH SELEPAS AGIHAN** | | 1,119,270 | 1,002,124 |
| **UNIT-UNIT WAKAF TERKUMPUL** | 12 | **76,929,945** | **50,808,014** |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
**PADA 31 DISEMBER 2024**

| | Nota | 2024 RM | 2023 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| Deposit dengan institusi kewangan | 13 | 343,355 | 200,142 |
| Pendapatan belum terima | 14 | 2,946,429 | 1,687,694 |
| Lain-lain penghutang | 15 | 420 | - |
| Tunai di bank | | 7,656 | 3,912 |
| **JUMLAH ASET** | | 3,297,860 | 1,891,748 |
| **LIABILITI** | | | |
| Jumlah terhutang kepada Pengurus | 16 | 546,950 | 325,262 |
| Jumlah terhutang kepada Pemegang Amanah | 17 | 147,304 | 84,382 |
| Lain-lain pemiutang | 18 | 2,232 | - |
| **JUMLAH LIABILITI** | | 696,486 | 409,644 |
| **JUMLAH ASET BERSIH** | | **2,601,374** | **1,482,104** |
| **DANA** | | | |
| Pendapatan terkumpul terdiri daripada berikut: | | | |
| Dana yang belum diagihkan | 11 | 2,601,374 | 1,482,104 |
| **JUMLAH DANA** | | **2,601,374** | **1,482,104** |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

7

**DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

| | Pendapatan Terkumpul - Telah Diagihkan RM | Pendapatan Terkumpul - Belum Diagihkan RM | Jumlah Dana RM |
|---|---|---|---|
| **Pada 1 Januari 2023** | - | 479,980 | 479,980 |
| Jumlah pendapatan komprehensif sebelum agihan bagi tahun kewangan | 1,600,641 | - | 1,600,641 |
| Pindahan ke pendapatan diagihkan | 479,980 | (479,980) | |
| Agihan kepada projek-projek wakaf | (598,517) | - | (598,517) |
| Pindahan ke pendapatan belum diagihkan | (1,482,104) | 1,482,104 | - |
| **Pada 31 Disember 2023** | - | 1,482,104 | 1,482,104 |
| **Pada 1 Januari 2024** | - | 1,482,104 | 1,482,104 |
| Jumlah pendapatan komprehensif sebelum agihan bagi tahun kewangan | 2,757,660 | - | 2,757,660 |
| Pindahan ke pendapatan diagihkan | 1,482,104 | (1,482,104) | - |
| Agihan kepada projek-projek wakaf | (1,638,390) | - | (1,638,390) |
| Pindahan ke pendapatan belum diagihkan | (2,601,374) | 2,601,374 | - |
| **Pada 31 Disember 2024** | - | 2,601,374 | 2,601,374 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

| | 2024<br>RM | 2023<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN** | | |
| Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan Islamik | 19,580 | 7,985 |
| Tunai didahulukan oleh Pengurus | - | (1,952) |
| Pendapatan dividen diterima | 2,236,746 | 1,025,207 |
| Pembayaran yuran pentadbiran dan perkhidmatan | (360,954) | (180,683) |
| Pembayaran yuran mutawalli | (111,837) | (51,260) |
| Pembayaran agihan kepada projek-projek wakaf | (1,636,158) | (598,517) |
| Pembayaran terdahulu kepada pembekal | (420) | - |
| Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan | 146,957 | 200,780 |
| **PENAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI** | 146,957 | 200,780 |
| **TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN** | 204,054 | 3,274 |
| **TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN** | 351,011 | 204,054 |
| **TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:** | | |
| Tunai di bank | 7,656 | 3,912 |
| Deposit dengan institusi kewangan (Nota 13) | 343,355 | 200,142 |
| Tunai dan persamaan tunai | 351,011 | 204,054 |

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

## DANA MANFAAT WAKAF ASNB

## NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

### 1. WAKAF ASNB, PENGURUS, PEMEGANG AMANAH DAN PEWAKAF-PEWAKAF

Perkhidmatan Wakaf ASNB dilancarkan pada 25 Oktober 2021 selaras dengan perlaksanaan Perjanjian Mutawalli bertarikh 22 September 2021, antara Pengurus, ASNB Wakalah Sdn. Bhd. ("AWSB") dan Pemegang Amanah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ("MAIWP") ("Perjanjian Mutawalli").

Perkhidmatan Wakaf ASNB ialah perkhidmatan bagi membolehkan unit-unit amanah yang dipegang oleh pelabur-pelabur Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") dapat diwakafkan dan didaftarkan atas nama MAIWP sebagai pemegang amanah Wakaf ASNB. Unit-unit amanah ASNB yang diwakafkan adalah bersifat wakaf mu'abbad (kekal) dan pengagihan pendapatan dijana atas unit-unit amanah dalam pegangan selaras dengan sebarang pengagihan pendapatan tahunan unit-unit amanah yang berkenaan.

Pengagihan pendapatan bersih yang dijana daripada unit-unit amanah ASNB yang diwakafkan melalui Wakaf ASNB selepas ditolak dengan yuran-yuran yang terlibat (berikutnya dirujuk sebagai "Dana Manfaat Wakaf ASNB") disalurkan dan diagihkan kepada projek-projek wakaf serta program-program yang dikenalpasti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengagihan Wakaf Bersama ASNB-MAIWP ("JPWB") seperti kesihatan, pendidikan, pemerkasaan komuniti dan misi kemanusiaan.

AWSB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh ASNB. Kegiatan utama AWSB ialah mengurus perkhidmatan Wakaf ASNB serta mengurus dan mentadbir pengagihan Dana Manfaat Wakaf ASNB kepada projek-projek wakaf yang diluluskan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama PNB ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah AWSB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 24 Februari 2025.

DANA MANFAAT WAKAF ASNB

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

## 2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Dana Manfaat Wakaf ASNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, telah disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan MFRS dan Piawaian Perakaunan IFRS.

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah dan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan mata fungsian Dana.

### 2.1 Perubahan dalam polisi perakaunan

Piawaian Perakaunan MFRS yang baru akan disemak semula yang tertakluk kepada syarikat dengan tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Dana.

### 2.2 Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf ("PPIBZW") yang telah diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia ("JANM") tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak dijangka memberi kesan kewangan yang material kepada penyata kewangan Dana.

## 3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

### (a) Aset-aset kewangan

Aset-aset kewangan adalah diiktiraf pada permulaan pengiktirafan sebagai salah satu yang berikut:

- Aset kewangan pada kos terlunas (instrumen hutang);
- Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI"); atau
- Aset kewangan pada nilai saksama melalui akaun untung rugi ("FVTPL").

Selain daripada penghutang yang tidak mempunyai komponen pembiayaan penting, Dana mengiktiraf aset kewangan pada permulaan pengiktirafan pada nilai saksama serta kos transaksi, bagi aset kewangan bukan FVTPL. Penghutang yang tidak mempunyai komponen pembiayaan penting adalah diiktiraf pada harga transaksi.

**DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024**

**3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)**

**(a) Aset-aset kewangan (samb.)**

Pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran adalah diiktiraf pada tarikh berdasarkan butiran kontrak.

**(i) Aset kewangan pada kos terlunas (instrumen hutang)**

Aset kewangan pada kos terlunas (instrumen hutang) diiktiraf seterusnya menggunakan kaedah kadar pendapatan berkesan dan adalah tertakluk kepada sebarang rosotnilai. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf dalam akaun untung dan rugi apabila aset dinyakiktiraf, diubah ataupun dirosotnilai.

Penyahiktirafan

Dana menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Dana memindah pemilikan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

**(b) Liabiliti kewangan**

Pengkelasan liabiliti kewangan pada pengiktirafan permulaan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI") ataupun pada kos terlunas.

Liabiliti kewangan Dana termasuk lain-lain pemiutang diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos transaksi secara langsung dan seterusnya diiktiraf pada kos lunasan menggunakan kaedah kadar pendapatan berkesan.

Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf dalam akaun untung dan rugi apabila liabiliti dinyakiktiraf dan melalui proses pelunasan.

Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambil alih, diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

**DANA MANFAAT WAKAF ASNB**

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024**

**3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (SAMB.)**

**(c) Rosotnilai dalam aset kewangan**

Kerugian kredit diiktiraf pada pengiktirafan permulaan berdasarkan model kerugian kredit dijangka ("Expected Credit Loss (ECL)") termasuk ECL dijangka pada masa hadapan. Dana mengiktiraf elaun kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang).

ECL adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Dana, diskaun pada kadar asal pendapatan berkesan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Dana akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bagi instrumen hutang yang diiktiraf pada kos yang terlunas dengan tiada komponen pembiayaan penting, Dana menggunakan kaedah dipermudahkan dalam mengukur ECL iaitu elaun kerugian berdasarkan ECL jangka hayat pada setiap tarikh pelaporan.

**(d) Pendapatan belum terima**

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

**(e) Tunai dan persamaan tunai**

Dalam penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai adalah termasuk tunai di bank dan instrumen kecairan tinggi, yang tidak membawa risiko yang ketara kepada perubahan nilai.

**(f) Pelbagai pemiutang**

